



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544  
Faks : 603-8889 5601  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA  
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 18/2011 (1 hingga 7 Mei 2011)

Sepanjang minggu ke-18 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 1 hingga 7 Mei, sejumlah 334 kes Demam Denggi dan tiada kematian telah dilaporkan, turun sebanyak 28 kes (8%) berbanding dengan 362 kes dengan 1 kematian pada minggu sebelumnya. Walaupun berlaku penurunan kes, masih terdapat 5 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Sarawak yang meningkat sebanyak 8 kes (62%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 4 kes (13%), N.Sembilan 3 kes (13%), Pahang 2 kes (17%) dan Perak meningkat sebanyak 1 kes (5%) (Lampiran A). Negeri Sembilan dan Pahang telah menunjukkan peningkatan kes sejak 2 minggu berturut-turut.

Bermula dari Januari hingga 7 Mei 2011 sebanyak 7,342 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% atau 9,873 kes berbanding dengan 17,215 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 12 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 56 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sehingga minggu ke-18, sejumlah 91 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh negara, turun sebanyak 6 lokaliti berbanding

dengan 97 lokaliti pada minggu sebelumnya. Bagi negeri Kedah, Kelantan, Sabah dan WP Labuan, tiada wabak Denggi dilaporkan. Pada minggu lepas, terdapat 3 lokaliti *hot spots* dilaporkan berlaku iaitu di Selayang Baru K5, di daerah Gombak dan Pangsapuri Sri Mawar Bandar Sri Putra di daerah Hulu Langat, masing-masing di Selangor manakala Flat Sri Perak di zon Kepong iaitu di WP Kuala Lumpur (Lampiran C). Flat Sri Perak juga telah melaporkan jumlah kes tertinggi iaitu 25 kes dalam tempoh sebulan ia berlaku berbanding dengan 2 lokaliti *hot spots* yang lain.

Dalam membentuk tingkah laku positif orang ramai untuk mencegah penyakit demam denggi, pihak Kementerian Kesihatan telah menjalankan 1,108 aktiviti ceramah dan sebanyak 1,272,110 keping risalah telah diedarkan di seluruh negara. Untuk memberi impak yang lebih berkesan dalam memperkasakan tindakan orang ramai ini, pihak Kementerian Kesihatan akan menyiarkan iklan di stesen televisyen terpilih bermula 9 Mei 2011. Melalui pendekatan ini juga, pihak Kementerian Kesihatan berharap dapat memperkuuhkan usaha masyarakat dalam mengamalkan kebersihan dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 1 hingga 7 Mei 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 546 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

**DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

11 Mei 2011

**Lampiran A**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2011**  
**(1 hingga 7 Mei 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 18/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 18/2010
		Minggu 18 (1 – 7 Mei 2011)	Minggu 17 (24 – 30 April 2011)		
1	Perlis	1	1	26	48
2	Kedah	5	9	171	235 (2)
3	P. Pinang	34	62	685 (1)	399 (2)
4	Perak	21	20	471 (1)	622 (2)
5	Selangor	120	126 (1)	2,655 (3)	8,070 (27)
6	WPKL & Putrajaya	36	32	582	1,988 (4)
7	N. Sembilan	27	24	273	770 (3)
8	Melaka	7	8	169	183 (3)
9	Johor	26	31	729 (4)	1,091 (3)
10	Pahang	14	12	389 (1)	435 (1)
11	Terengganu	6	6	317 (1)	343
12	Kelantan	9	9	267 (1)	431 (2)
13	Sarawak	21	13	400	1,899 (6)
14	Sabah	7	9	203	693 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	8
	<b>MALAYSIA</b>	<b>334</b>	<b>362 (1)</b>	<b>7,342 (12)</b>	<b>17,215 (56)</b>

Nota: ( ) Kematian

**Lampiran B**

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2011  
(1 hingga 7 Mei 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 18/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 18/2010
		Minggu 18 (1 – 7 Mei 2011)	Minggu 17 (24 – 30 April 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	3
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	17
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	502
14	Sabah	0	0	8	9
15	WP Labuan	0	0	0	7
	<b>MALAYSIA</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>14</b>	<b>546</b>

**Lampiran C**

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA  
MINGGU 18 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	5	32
2	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Mawar Bandar Sri Putra	6	31
3	WPKL	Kepong	Flat Sri Perak	25	33

**Lampiran D**

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 18  
BAGI TAHUN 2011  
(1 hingga 7 Mei 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	3.1	3